

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 August 2015

Jangan mudah puas hati

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 17 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, tiada ruang untuk kerajaan mudah berpuas hati sekiranya mahu menunaikan janji menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, malunur dan progresif khususnya untuk generasi akan datang.

Perdana Menteri berkata, ini berikutan Malaysia terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran globalisasi khususnya dalam era dunia tanpa sempadan dan pada masa sama berusaha mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Antara cabaran yang perlu kita hadapi pada masa ini adalah turun naik harga komoditi, krisis di zon Eropah, perubahan keseimbangan kuasa antarabangsa, ancaman pengganas dan perubahan cuaca.

"Namun begitu saya cukup yakin bahawa semua rakyat Malaysia mampu berhadapan dengan cabaran tersebut. Ini terbukti melalui rekod-rekod terdahulu yang mana kita mampu menghadapi apa jua cabaran dan halangan yang melanda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Laporan Tahunan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Pemiagaan



NAJIB TUN RAZAK bersama Ali Hamsa dan Saw Choo Boon (kanan) melihat Laporan Tahunan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Pemiagaan (Pemudah) 2014 pada majlis pelancaran di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.
- UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

(Pemudah) 2014 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Pemudah, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Ifwan Serigar Abdullah dan Presiden Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) merangkap Pengerusi Bersa-

ma Pemudah, Datuk Seri Saw Choo Boon.

Dalam ucapannya Perdana Menteri turut menyentuh mengenai kejayaan Malaysia berada pada kedudukan ke-14 daripada 61 buah negara dalam The IMD World Competitiveness Yearbook 2015 mengatasi beberapa buah negara seperti Belanda, Ireland, New Zealand,

Australia, United Kingdom, Korea Selatan dan Jepun.

Beliau berkata, kejayaan tersebut merupakan kisah sebenar ekonomi negara ini dan bukan itu sahaja malah melalui laporan ber-Wibawa dan berpengaruh seperti itu mampu menonjolkan lagi daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan.